

PEMBATALAN PERLINDUNGAN

Seseorang pemberi maklumat boleh dibatalkan perlindungan apabila;

- 1 Pemberi maklumat itu sendiri telah menyertai kelakuan tidak wajar/jenayah tersebut.
- 2 Pemberi maklumat dengan sengaja telah memberikan maklumat yang palsu.
- 3 Pendedahan kelakuan tidak wajar itu adalah sesuatu yang remeh dan menyusahkan.
- 4 Pendedahan kelakuan tidak wajar itu adalah mempersoalkan merit dasar kerajaan termasuklah dasar bagi sesuatu badan awam.
- 5 Pendedahan kelakuan tidak wajar itu mempunyai tujuan untuk mengelakkan daripada dibuang kerja atau tindakan tatatertib yang lain.
- 6 Pemberi maklumat, semasa dalam perjalanan untuk membuat pendedahan kelakuan tidak wajar ini telah melakukan kesalahan iaitu;
 - Mendedahkan maklumat sulit.
 - Membuat pernyataan palsu.
 - Menghalang pegawai agensi penguatkuasa menjalankan tugasnya.
 - Memusnahkan/memalsukan sesuatu dokumen.
 - Bersubahat atau percubaan dengan mana-mana kesalahan di atas.

PEMBERI MAKLUMAT YANG BERPOTENSI MENJADI SAKSI

Perlindungan di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 hanya diberikan kepada pemberi maklumat sahaja. Pemberi maklumat yang berpotensi menjadi saksi boleh terdiri daripada;

- mangsa sesuatu kelakuan tidak wajar,
- seseorang yang menyaksikan atau mempunyai pengetahuan mengenai sesuatu kelakuan tidak wajar.

Contoh, **A** telah menerima wang rasuah daripada **B**, yang mana **C** turut hadir dan menyaksikan pemberian wang. **C** kemudian telah mendedahkan kelakuan tidak wajar kepada SPRM dan memohon agar beliau tidak dijadikan pengadu dalam kes tersebut. **C** merupakan seorang pemberi maklumat yang berpotensi menjadi saksi.


KEENGGANAN MENJADI SAKSI



Perlu dijelaskan;

- a Keengganan untuk menjadi saksi boleh menjelaskan kes tersebut di peringkat pendakwaan akibat ketiadaan saksi penting.
- b Maklumat daripada pemberi maklumat tersebut hanya boleh dijadikan maklumat perisikan sahaja (*intelligence information*) bagi agensi penguatkuasa memantau aktiviti atau kegiatan tidak wajar tersebut.

TANGGUNGJAWAB SPRM KEPADA PEMBERI MAKLUMAT



Agensi penguatkuasa
(SPRM) yang menerima
pendedahan tidak wajar
mesti memaklumkan
kepada pemberi maklumat
mengenai hasil siasatan
dan tindakan-tindakan yang
telah/akan diambil ke atas
pelaku kelakuan tidak wajar
terbabit.

Perlindungan

Kepada Saksi



Anda dilindungi

PENGENALAN KEPADA AKTA PERLINDUNGAN SAKSI 2009



UNDANG-UNDANG
MALAYSIA

LAWS OF MALAYSIA

AKTA PERLINDUNGAN SAKSI 2009
(Akta 696)

WITNESS PROTECTION ACT 2009
(Act 696)


AKTA PERLINDUNGAN SAKSI 2009

(AKTA 696)

Akta Perlindungan Saksi 2009 (Akta 696) telah dibentangkan dan diluluskan di Dewan Rakyat pada 26 Mac 2009 dan di Dewan Negara pada 8 April 2009. Tarikh permulaan kuatkuasa Akta Perlindungan Saksi 2009 adalah pada 15 April 2010.

Akta ini bertujuan untuk mewujudkan suatu program perlindungan saksi dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

UNIT PERLINDUNGAN SAKSI (UPS) JPM



Jemaah Menteri pada 9 Mac 2005 telah bersetuju supaya Unit Perlindungan Saksi (UPS) ditubuhkan dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM). Unit ini diketuai oleh seorang Ketua Pengarah dan dibantu oleh Timbalan Ketua Pengarah serta pegawai-pegawai lain.

Selaras dengan penguatkuasaan Akta Pelindungan Saksi 2009, UPS mula beroperasi mulai 15 April 2010 oleh JPM. Alamat UPS;

BANGUNAN BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG

Jabatan Perdana Menteri, Aras 8,
Blok Selatan, Presint 3,
Pusat Pentadbiran Kerajaan,
Putrajaya

PERLINDUNGAN KEPADA SAKSI KES RASUAH



SAKSI YANG TERANCAM

Sekiranya saksi merasa ada ancaman, beliau perlu membuat aduan segera kepada pegawai penyiasat kesnya atau mana-mana pegawai SPRM.

Maklumat saksi berkenaan akan dikemukakan kepada Unit Perlindungan Saksi JPM untuk didaftarkan.

BENTUK PERLINDUNGAN



Perlindungan keselamatan terhadap saksi akan diberikan berdasarkan kepada bentuk ancaman yang beliau terima serta bentuk perlindungan yang dipersetujui.

Saksi akan ditemuduga oleh pegawai Unit Perlindungan Saksi (UPS) dan analisa ancaman akan dibuat. Hasil analisa serta perbincangan dengan saksi, maka persetujuan akan dibuat mengenai jenis perlindungan yang wajar diberikan.

UPS berperanan menyelaraskan dengan agensi-agensi lain seperti SPRM, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan lain-lain agensi untuk menyediakan perlindungan dan bantuan kepada saksi terbabit.

CONTOH-CONTOH PERLINDUNGAN

A

Saksi mengatakan beliau hanya sekadar mahu cermin kereta beliau digelapkan. Oleh itu, UPS akan mengambil tindakan agar pihak JPJ memberi kebenaran untuk kenderaan saksi berkenaan digelapkan.

B

Saksi mahukan ada rondaan dibuat di rumahnya. Sekiranya perlindungan berkenaan dirasakan wajar berdasarkan acaman yang diterimanya, UPS akan menyelaraskan dengan PDRM untuk mendapatkan bantuan rondaan tersebut.

C

Sekiranya saksi perlukan pegawai peribadi untuk perlindungan, maka ia akan disediakan jika ianya wajar.

ANCAMAN YANG SERIUS



Sekiranya SPRM merasakan ancaman yang dihadapi itu serius dan saksi tersebut rela dimasukkan dalam Program Perlindungan Saksi, maka SPRM akan menguruskan permohonan kemasukan saksi ke dalam Program Perlindungan Saksi.

MEMBERI ANCAMAN KEPADA SAKSI ADALAH SATU KESALAHAN



Seksyen 48(h) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang melakukan atau cuba melakukan untuk mengganggu, menakutkan, mengancam atau melarikan saksi adalah suatu kesalahan.

Sekiranya sabit kesalahan boleh dihukum denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya sekali.



PROGRAM PERLINDUNGAN SAKSI

Program Perlindungan Saksi diwujudkan melalui peruntukan Akta Perlindungan Saksi 2009. Program ini menjanjikan perlindungan keselamatan dan bantuan kepada saksi yang menghadapi ancaman keselamatan terhadap diri, keluarga dan sesiapa yang mempunyai kaitan dengannya.

A

Ancaman yang diterima adalah ekoran dari tindakannya memberi maklumat kepada mana-mana pihak berkuasa atau memberi keterangan di mahkamah mengenai sebarang kegiatan atau perbuatan jenayah yang diketahuinya atau telah disaksikannya.

B

SIAPAKAH YANG DITERIMA MASUK?



- saksi penting bagi sesuatu kes jenayah.
- saksi yang terancam nyawanya atau keluarganya atau sesiapa yang mempunyai kaitan.

BENTUK PERLINDUNGAN SAKSI

Melalui program seperti berikut;

- Menyediakan tempat tinggal.
- Membuat penempatan semula.
- Memohon mewujudkan suatu identiti baru.
- Memberikan pembayaran yang bersamaan dengan saraan yang diterima oleh peserta itu sebelum dimasukkan ke dalam Program.
- Jika peserta itu tidak bekerja sebelum dimasukkan ke dalam Program, memberikan pembayaran sara hidup yang munasabah kepada peserta itu.
- Bantuan kepada peserta untuk mendapatkan pekerjaan dan pendidikan.
- Memberikan bantuan-bantuan lain untuk memastikan peserta dapat menyara diri.
- Apa-apa tindakan lain sebagaimana yang didapati perlu oleh Ketua Pengarah.